



SIARAN AKHBAR

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BERKENAN
BERANGKAT KE MAJLIS MENGATAM VARIETI PADI HIBRID SEMBADA188
DI KAWASAN KEMAJUAN PERTANIAN KAMPUNG WASAN DAN MELAWAT KE
KAWASAN-KAWASAN KEMAJUAN PERTANIAN
DI DAERAH BRUNEI DAN MUARA**

Mukim Pengkalan Batu

Selasa, 7 Jamadilakhir 1440H bersamaan 12 Februari 2019

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat dan menyempurnakan **Majlis Mengatam Varieti Padi Hibrid Sembada188 di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Wasan, Mukim Pengkalan Batu** pada pagi ini.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Wasan, Mukim Pengkalan Batu dijunjung oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Mokti bin Mohd Daud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Setiausaha Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta pegawai-pegawai kanan yang lain.

Berangkat bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Paduka-Paduka Anakanda Baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.



Turut hadir pada majlis menuai tersebut ialah sebahagian Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Timbalan-Timbalan Menteri, para perwakilan asing ke negara ini serta peladang-peladang padi di KKP Wasan.

Sejurus keberangkatan tiba di ladang padi KKP Wasan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung untuk mendengar Sembah Taklimat mengenai perkembangan Penanaman Padi Sembada188 dan Skim Insentif Pertanian Agrimakanan yang disembahkan oleh Dayang Khairunnisa binti Haji Omar Ali, Ketua Bahagian Padi dan Perlindungan Tanaman; mengenai Projek Empangan Imang, Projek Penerokaan Air Bawah Tanah dan Projek Pembukaan Kawasan Kandol bagi penanaman padi secara komersial berkeluasan 500 hektar, Kawasan Kandol, Daerah Belait yang disembahkan oleh Awang Saidin bin Namit, Ketua Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertanian; serta mengenai projek penanaman padi secara komersial di Kawasan Kemajuan Pertanian Panchur Murai seluas 110 hektar oleh Awang Ezwyn bin Haji Bakar, Pengurus Yaz & Wyn Enterprise.

Bagi memberkati Majlis Perasmian, acara didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya berkenan mengurniakan Titah Perasmian dan kemudiannya dijunjung berangkat untuk bercemar duli bagi menyempurnakan Perasmian Majlis Mengatam Varieti Padi Hibrid Sembada188, di Ladang Koperasi Setia Kawan (KOSEKA), Kawasan Kemajuan Pertanian Wasan dengan menggunakan sebuah jentuai.

Persembahan Tausyeh Syukur dipimpin oleh seramai 15 orang para siswa Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa mengatam Varieti Padi Hibrid Sembada188 tersebut.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudian berkenan bergambar ramai dan beramah mesra bersama ahli-ahli Koperasi Setia Kawan (KOSEKA) dan pihak Pengurusan Yaz & Wyn Enterprise sebelum berangkat ke **Pusat Pemprosesan Padi (Ricemill)**, Wasan.

Perkhidmatan mesin pengisaran padi di Pusat Pemprosesan Padi (*Ricemill*) Wasan, buat masa ini, dijalankan oleh Syarikat Pertanian Tropikal Utama, manakala operasi penerimaan padi, penuangan padi ke mesin pengisar, pembungkusan beras, penjualan beras dan pemeliharaan mesin pengisar adalah dijalankan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Seterusnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung untuk berangkat ke Institut Pendidikan Teknik Brunei (IBTE), Kampus Agro-Teknologi, Wasan untuk melawat dan meninjau tapak-tapak pembelajaran penuntut-penuntut IBTE, Kampus Agro-teknologi, Kampung Wasan.

Sebelum mengakhiri lawatan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Jamuan Tengahari di Dewan Serbaguna IBTE, Kampus Agro-Teknologi, Wasan.

Terdahulu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke:

- i. **Ladang Ideal Multifeed Farm (B) Sdn Bhd.**, bertempat di Kampung Bengkurong-Masin. Syarikat ini mengusahakan ladang seluas lapan puluh sembilan (89) hektar bagi perusahaan ternakan ayam pedaging menggunakan sistem reban tertutup; perusahaan ternakan ayam pedaging menggunakan sistem reban konvensional; ternakan ayam penelor menggunakan reban tertutup; dan ke sebuah Pusat Penyembelihan Ayam.



Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke ladang tersebut telah dijunjung oleh Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abd Rahman, Pengarah Urusan Ladang Ideal Multifeed Farm Sdn Bhd, dan para ahli pengurusan ladang berkenaan; dan

- ii. **Ladang Syarikat Perusahaan Haji Mohd Salleh bin Haji Ludin dan Anak-Anak**, bertempat di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Batumpu. Syarikat ini mengusahakan ladang sayur-sayuran seluas tujuh (7) hektar, menggunakan sistem konvensional bagi tanaman sayur-sayuran jenis daun dan buah.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke ladang tersebut telah dijunjung oleh Pengurus Ladang, Awang Haji Mohd Salleh bin Haji Ludin, pengusaha dan pemilik syarikat berkenaan serta ahli keluarga beliau.

/TAMAT.

**Dikeluarkan Oleh:
Kementerian Sumber-Sumber Utama Dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh: 12 Februari 2019